

Kuiz 1

Tarikh:

Nama:

1. Pilih jawapan berikut mengenai penggunaan teknik pemikiran komputasional bagi situasi seorang pelajar ingin ke sekolah. Pilih jawapan yang menggunakan teknik pemikiran komputasional yang betul.
- A Merancang arah laluan ke sekolah.
- B Bertanya kepada keluarga mengenai laluan ke sekolah.
- C Memerhatikan persekitaran sekolah.
- D Laluan perjalanan tidak ditetapkan, asalkan sampai ke sekolah.
2. Teknik pemikiran komputasional menekankan aspek mengenal pasti corak dalam sesuatu masalah. Mengapakah aspek ini begitu penting?
- A Aspek pengesanan corak sangat penting untuk menyukarkan masalah yang kompleks.
- B Aspek pengesanan corak sangat penting untuk memudahkan masalah yang kompleks.
- C Aspek pengesanan corak sangat penting bagi seorang pereka hiasan dalaman.
- D Aspek pengesanan corak sangat penting untuk mengumpulkan semua masalah.
3. Dalam fasa ini, pengatur cara perlu menemu bual dan membuat soal selidik kepada pelanggan. Apakah fasa ini?
- A Fasa dokumentasi B Fasa permulaan
- C Fasa analisis masalah D Fasa pengujian dan penyahpejatan
4. Mengapakah pengaturcara perlu mengenal pasti corak yang sama dalam fasa reka bentuk atur cara?
- A Menggunakan pemboleh ubah dan pemalar yang sama.
- B Menyelesaikan masalah kecil.
- C Mempercepat pembangunan dokumentasi.
- D Memudahkan pemboleh ubah dikenal pasti.
5. Apakah tindakan pengaturcara semasa fasa reka bentuk atur cara bagi teknik pengitlakan?
- A Menghasilkan pseudokod dan algoritma.
- B Melakar carta alir dan pseudokod.
- C Memilih bahasa pengaturcaraan yang digunakan.
- D Mengenal pasti masalah yang lebih kecil
6. Pilih ralat yang mengeluarkan paparan mesej ralat.
- I. Ralat sintaks
- II. Ralat masa larian
- III. Ralat logik
- IV. Ralat atur cara
- A I dan II B I dan IV
- C II dan III D III dan IV
7. Haqiem sedang membangunkan atur cara menghitung hari dan bulan dalam sebulan. Namun, output yang diterima adalah bilangan hari dalam setiap bulan ialah 35 hari. Apakah ralat yang terlibat?
- A Ralat masa larian B Ralat logik
- C Ralat aturcara D Ralat sintaks
8. Mengapakah teknik peniskalaan dalam fasa pengujian dan penyahpejatan amat penting?
- A Teknik ini penting kerana dapat memberi penekanan kepada aspek penting menyang ralat.
- B Teknik ini dapat mengeluarkan notifikasi berwarna merah untuk pengetahuan pengaturcara.
- C Teknik ini penting kerana pengaturcara perlu mengesan ralat dan kedudukannya dalam bahasa pengaturcaraan.
- D Teknik ini dapat menyelesaikan masalah dengan lebih cepat.
9. Mengapakah perlunya pengguna akhir mendapatkan panduan pengguna?
- A Memudahkan pengguna membuat pemasangan sesuatu produk.
- B Dapat memberi kefahaman kepada pengguna mengenai pemboleh ubah yang terlibat.
- C Mempercepat tindakan oleh pengaturcara terhadap pengguna.
- D Pengaturcara dapat membuat keputusan dengan lebih cepat
10. Apakah maklumat yang tidak perlu ada pada dokumen pustaka?
- A Pseudokod dan carta alir
- B Kod arahan
- C Nama fail dokumen pustaka
- D Nama pengaturcara